

20 MAR 2002

Poland-Malaysia/I

LAWATAN DR MAHATHIR TINGKATKAN HUBUNGAN, KATA POLAND

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

WARSAW, 20 Mac (Bernama) -- Lawatan tiga hari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini mulai esok akan meningkatkan lagi hubungan dua hala yang terjalin, kata Duta Poland ke Malaysia Marek Paszucha.

Beliau menjangkakan beberapa bidang kerjasama baru akan dihasilkan daripada lawatan rasmi Dr Mahathir - yang pertama oleh perdana menteri Malaysia ke negara ini yang saiznya sama seperti Malaysia tetapi mempunyai penduduk yang lebih ramai iaitu 39 juta orang.

"Sudah pasti teknologi dan inovasi adalah bidang kerjasama yang terbaik," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata Malaysia mempunyai infrastruktur pembangunan yang lebih baik untuk usahasama sedemikian manakala Poland mempunyai penyelidik dan ahli sains dalam bidang komputer sains, telekomunikasi dan teleperubatan.

"Dua ahli sains dan penyelidik Poland sudahpun bekerja untuk syarikat-syarikat telekomunikasi Malaysia," katanya.

Dr Mahathir akan tiba dari Jerman dalam siri akhir lawatannya ke tiga negara yang bermula di Russia.

Beliau dijadualkan mengada perbincangan dengan perdana menteri Poland Leslek Miller dan mengunjungi Presiden Aleksander Kwasniewski, yang melawat Malaysia pada 1997.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh rombongan 60 pegawai kerajaan dan ahli perniagaan, juga akan memberi ucapan pada satu jamuan tengah hari esok.

Pada Jumaat, beliau juga akan melawat limbungan di Gdask dan menunaikan solat Jumaat di sebuah masjid di situ.

Paszucha berkata sejak keruntuhan komunisme 13 tahun lepas, Poland bergerak maju sebagai negara pasaran bebas dengan menyediakan pelbagai peluang perdagangan dan pelaburan untuk ahli perniagaan Malaysia.

Mercu tanda pendekatan pro perniagaan negara ini ialah bangunan Bursa Saham Warsaw, yang mana sebelum ini adalah ibu pejabat parti Komunis sehingga kejatuhannya pada 1989.

Paszucha berkata lebih ramai rakyat Poland ingin mengenali Malaysia dan melawat negara itu.

"Mereka yang sering ke Bangkok kini terbang ke Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Langkawi tetapi lebih ramai yang pergi ke Kuching dan Kota Kinabalu," katanya.

Menurutnya Poland telah membuka pejabat konsul di Kuching dan Ipoh.

-- BERNAMA

AZZ AZH NAK